

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2016/2017

NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM

KOD KURSUS : UWA 10102

KOD PROGRAM : BBA/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG/BDD/
BEJ/BEV/BFF/BIM/BIS/BIT/BNA/BNB/
BNC/BND/BNE/BNH/BNL/BNM/BNN/
BNG/BPA/BPC/BPD/BWA/BWG

TARIKH PEPERIKSAAN: JUN 2017

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN
DALAM BORANG OMR YANG
DISEDIAKAN.
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS
SOALANINI KELUAR DARI
DEWAN PEPERIKSAAN.

TERBUKA

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI DUA PULUH (20) MUKA SURAT

DR. AHMAD SHAFIEH BIN MUHAMMAD
Puan Nurul Iman binti Mohd Salleh
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SULIT

S1 Apakah maksud perkataan *Aslama* dalam Bahasa Melayu?

- A Keimanan
- B Ketaqwaan
- C Keselamatan
- D Kesejahteraan

S2 Manakah berikut merupakan pernyataan yang paling tepat berkaitan maksud Islam?

- A Islam adalah penyerahan diri kepada Allah S.W.T. dengan taat, tunduk dan patuh, keikhlasan dalam diri secara menyeluruh kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.
- B Islam adalah penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. dengan mentauhidkanNya secara menyeluruh dan beriman kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.
- C Islam adalah suatu penyerahan diri kepada Allah S.W.T. dengan mempercayai rukun Iman melalui keikhlasan dalam diri secara menyeluruh serta beriman kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.
- D Islam adalah penyerahan kepada Allah S.W.T. dengan mengamalkan rukun Islam sepenuhnya, tunduk dan patuh, keikhlasan yang lahir dalam diri secara menyeluruh terhadap ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.

S3 Apakah langkah yang paling utama bagi menjadikan Islam sebagai al-Deen?

- A Mempelajari dan meyakini segala perintah suruhan Allah S.W.T.
- B Mempelajari, meyakini dan mengamalkan sepenuhnya segala perintah Allah S.W.T. dalam kehidupan
- C Berusaha dan memahami semua peraturan yang ditetapkan Allah S.W.T. hanya bersesuaian dengan manusia
- D Berusaha menjadikan Islam sebagai undang-undang dan peraturan Allah S.W.T. dalam semua urusan kehidupan

S4 Apakah yang membezakan antara agama Islam dengan agama ciptaan manusia?

- A Mempunyai pengasas
- B Memberikan ganjaran
- C Mempunyai sumber rujukan
- D Membimbing kepada perkara kebaikan

TERBUKA

DR. HANIF SHAFIE BIN DILAWI
PENGETAHUAN DAN PENGEMBANGAN
KONSEP DAN KONSEP KONSEP
DILAWI DR. HANIF SHAFIE

Soalan 5 dan 6 merujuk kepada maksud ayat al-Quran dalam **Pernyataan 1**.

Pernyataan 1

"Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) seluruh hukum-hakamnya"

(al-Baqarah: 208)

- S5** Apakah pengajaran yang dapat diambil daripada ayat al-Quran dalam **Pernyataan 1** di atas?
- A Agama Islam merupakan agama wahyu
B Islam adalah agama yang diterima Allah S.W.T.
C Mereka yang beriman akan mendapat balasan syurga
D Mereka yang beriman akan menerima Islam sepenuhnya
- S6** Manakah antara berikut merupakan ciri seorang muslim yang mempunyai hubungan dengan ayat al-Quran dalam **Pernyataan 1** di atas?
- A Menolak secara mutlak agama lain selain daripada agama Islam
B Mengamalkan peraturan Islam sepenuhnya dalam semua urusan kehidupan
C Mengakui bahawa peraturan yang ditentukan bersesuaian dengan fitrah manusia
D Kepercayaan hanya kepada Allah S.W.T. dan kerasulan Nabi Muhammad S.A.W.
- S7** Pilih pernyataan berikut yang menjelaskan bahawa agama Islam bersifat *syumul*.
- I Ajarannya meliputi urusan dunia dan akhirat
II Mempunyai undang-undang dan peraturan yang lengkap
III Bersesuaian diamalkan oleh seluruh umat manusia di seluruh dunia
IV Merangkumi seluruh kehidupan manusia sama ada jasmani dan rohani
- A I dan II sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S8** Apakah asas-asas Islam yang menerangkan keyakinan individu terhadap Islam?
- A Akhlak
B Akidah
C Syariah
D Maqasid al-Syariah

TERBUKA

DR. AHMAD SHARIFUDIN GHAFFAR
Barisan Guru Kebangsaan
Puan Siti Hasmah binti Muhamad
Ujian Penilaian Tingkat Pertama

S9 Apakah yang dimaksudkan dengan ijmak?

- A Persetujuan para mujtahid untuk menentukan suatu hukum syarak
- B Kesepakatan seluruh mujtahid untuk menentukan suatu hukum syarak
- C Persetujuan para mujtahid untuk menentukan sesuatu hukum yang disepakati selepas kewafatan Nabi Muhammad S.A.W.
- D Kesepakatan seluruh mujtahid selepas kewafatan Nabi Muhammad S.A.W. pada suatu zaman terhadap sesuatu hukum syarak

S10 Manakah berikut adalah jenis-jenis ijmak?

- A Ijmak *sorih* dan ijmak *aula*
- B Ijmak *sukuti* dan ijmak *jaliy*
- C Ijmak *sorih* dan ijmak *sukuti*
- D Ijmak *sukuti* dan ijmak *musawi*

S11 Apakah yang dimaksudkan dengan al-Furqan?

- A Penurunan
- B Peringatan
- C Buku panduan
- D Pemisah antara hak dan batil

S12 “Memutuskan sesuatu berasaskan kepada prinsip kebaikan umum ke atas suatu perkara yang tidak terdapat dalam nas al-Quran dan al-Hadith secara jelas.”
Apakah definisi yang sesuai bagi pernyataan ini?

- A *Istihsan*
- B *Istishab*
- C *Sad al-Zaraie*
- D *Masalih al-Mursalah*

S13 “Mengenepikan sesuatu hukum yang mempunyai dalil atas suatu perkara dengan mengambil hukum lain yang lebih kukuh dan lebih kuat daripada hukum pertama yang berasaskan kepada dalil syarak yang membolehkan tindakan sedemikian”.
Apakah definisi yang sesuai bagi pernyataan ini?

- A *Istishab*
- B *Istihsan*
- C *Sad al-Zaraie*
- D *Masalih al-Mursalah*

TERBUKA

ANNUAL EXAMINATION
SCHOOL OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITY OF WISLA
WISLA UNIVERSITY

S14 “Mengekalkan hukum terdahulu selagi belum terdapat dalil yang mengubah hukum tersebut”

Apakah definisi yang sesuai bagi pernyataan ini?

- A *Istishab*
- B *Istihsan*
- C *Sad al-Zaraie*
- D *Masalih al-Mursalah*

S15 Apakah yang dimaksudkan dengan hadith *maudu*?

- A Hadith yang merupakan rekaan manusia semata-mata
- B Hadith yang memiliki kelemahan sama ada pada matan atau sanad
- C Hadith yang memiliki matan dan sanad yang percaya, berkualiti dan kuat
- D Hadith yang diriwayatkan oleh ramai perawi yang berkualiti, sehingga tidak mungkin berlaku kesilapan

S16 Manakah yang berikut merupakan nama-nama al-Quran?

- I Al-Zikr
 - II Al-Kitab
 - III Al-Tanzil
 - IV Al-Furqan
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S17 Mengapa generasi terawal umat Islam tidak memerlukan ilmu khusus bagi memahami ayat-ayat al-Quran?

- I Mereka menjadikan Rasulullah S.A.W. sebagai rujukan utama
- II Rasulullah S.A.W. tidak memberarkan para sahabat untuk berijihad
- III Umat Islam belum terdedah kepada situasi dan keadaan yang memerlukan ilmu khusus dalam menyelesaikan permasalahan umat
- IV Generasi awal umat Islam sangat memahami ayat-ayat al-Quran sehingga tidak memerlukan ilmu-ilmu sokongan untuk memahami kehendak wahyu

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

TERBUKA

S18 Siapakah yang menjadi pelopor kepada pengkajian *Ulum al-Quran* dalam kalangan sahabat pada abad pertama hijrah?

- A Ibnu Mas'ud
- B Malik bin Anas
- C Umar bin Abdul Aziz
- D Hammam bin Munabbih

S19 Apakah penekanan utama dalam pengajaran al-Quran?

- A Sifat semulajadi manusia
- B Konsep ketauhidan Allah S.W.T.
- C Kepentingan memperakui kewujudan Allah S.W.T.
- D Akhlak dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah S.W.T.

S20 Apakah nama ilmu yang membincangkan tentang pelbagai jenis keindahan makna dan perumpamaan dalam ayat-ayat al-Quran?

- A *Badi' al-Quran*
- B *Aqsam al-Quran*
- C *Hujajil al-Quran*
- D *Gharib al-Quran*

S21 Apakah ilmu yang menyelaraskan sistem tulisan dan sebutan al-Quran?

- A *I'rab al-Quran*
- B *Ulum al-Quran*
- C *Qiraat al-Quran*
- D *al-Rasm al-Quran*

S22 Mengapa penulisan al-Hadith dilarang pada zaman Nabi Muhammad S.A.W.?

- I Mendapat larangan daripada baginda sendiri
- II Para sahabat masih mementingkan al-Quran daripada al-Hadith
- III Kebimbangan akan berlaku percampuran antara al-Quran dan al-Hadith
- IV Para sahabat mempunyai daya ingatan dalam mengingati hadith-hadith nabi

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

TERBUKA

DR AHMAD SHABAZI BIN MUHAMMAD
Pengerusi Kajian
Bantuan Pengajaran Dan Pengembangan
Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim

S23 Apakah koleksi al-Hadith yang ditulis pada pertengahan kurun pertama hijrah (sebelum tahun 50H) yang lebih dikenali sebagai *Sahifah Hammam*?

- A Sahifah Madinah
- B Sahifah Abu Nu'man
- C Sahifah Abu Hurairah
- D Sahifah Rasulullah S.A.W.

S24 Pilih peranan *Ilm al-Jarh Wa al-Ta'dil* dalam pengkajian ilmu-ilmu al-Hadith (ulum al-Hadith)?

- I Ilmu yang berkaitan dengan sanad
 - II Ilmu yang membincangkan berkaitan dengan perawi
 - III Ilmu bagi memudahkan seseorang memahami ilmu hadith
 - IV Ilmu yang membincangkan sebab-sebab yang boleh mencacatkan kesahihan sesuatu hadith
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S25 Manakah aliran mazhab yang memiliki akidah sahih seperti Rasulullah S.A.W. dan para sahabat?

- A Murjiah
- B Jabariah
- C Hanabilah
- D Mushabihah

S26 Jelaskan maksud Hadith Mutawatir

- A Hadith yang merupakan rekaan manusia semata-mata.
- B Hadith yang memiliki kelemahan baik pada matan dan/atau sanad
- C Hadith yang memiliki matan dan sanad yang terpercaya, berkualiti dan kuat.
- D Hadith yang dirawikan oleh banyak rawi yang berkualiti, sehingga tidak mungkin salahnya.

S27 Mengapakah timbul aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah pada kurun ke-3 Hijrah?

- A Berlaku perselisihan besar mengenai fiqh
- B Berlaku perselisihan besar mengenai daulah
- C Berlaku perselisihan besar mengenai akidah
- D Berlaku perselisihan besar mengenai khilafiyah

TERBUKA

S28 Apakah fahaman yang mendakwa bahawa al-Quran itu makhluk?

- A Syiah
- B Jabariyah
- C Qadariyah
- D Muktazilah

S29 Manakah berikut yang bukan merupakan prinsip-prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah?

- A Allah S.W.T. dapat dilihat di akhirat kelak
- B Wujudnya siksa kubur dan kehidupan akhirat
- C Iman adalah sesuatu perkara yang tetap dan tidak berubah dalam jiwa
- D Pelaku dosa besar dalam kalangan orang beriman akan diazab di akhirat

S30 Siapakah dua tokoh Ahli Sunnah Wal Jamaah yang terkenal?

- A Abu Hasan al-Ash'ari dan Wasil bin Ata'
- B Abu Hasan al-Ash'ari dan Abu Ali al-Jubai
- C Abu Mansur al-Maturidi dan Wasil bin Ata'
- D Abu Hasan al-Ash'ari dan Abu Mansur al-Maturidi

S31 Manakah golongan yang menggunakan kaedah takwil untuk ayat-ayat *mutasyabihat*?

- A Salaf
- B Syiah
- C Khalaf
- D Wahabi

S32 Pilih prinsip-prinsip Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?

- I Berpegang kepada prinsip al-Salaf al-Soleh
- II Berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Hadith
- III Mereka tidak mencela dan mengkafirkan orang yang tidak sealiran dengan mereka
- IV Apabila terdapat sebarang perselisihan pandangan, mereka akan merujuk kepada al-Quran dan al-Hadith

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

TERBUKA

S33 Bagaimanakah Rasulullah S.A.W. melaksanakan amanah dalam mengembangkan akidah tauhid dan membenteryas penyelewengan akidah?

- I Memusnahkan semua patung berhala sembahyan orang Arab
 - II Membina akidah yang benar berpandukan wahyu melalui penjelasan rukun iman
 - III Meruntuhkan kesesatan akidah palsu yang diterima dari kaum musyrikin dan ahli kitab
 - IV Menerima kepercayaan sedia ada dalam kalangan masyarakat Arab dan diasimilasikan dengan akidah tauhid
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja

S34 Apakah penyelewengan Syiah mengenai persoalan Imam?

- I Mempercayai imam adalah maksum
 - II Menamakan pengganti nabi sebagai imam
 - III Beriman kepada imamah sebagai salah satu rukun iman
 - IV Menggantikan beriman kepada rasul dalam rukun iman dengan beriman kepada imamah
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S35 Manakah antara berikut tidak menjelaskan ciri-ciri golongan Khawarij?

- A Menetapkan Saidina Uthman R.A. dan Ali R.A. kafir
- B Keterlaluan menetapkan sesiapa yang pendapat dan amalannya menyalahi al-Quran adalah kafir
- C Terlalu mengagung-agungkan Saidina Ali R.A. sehingga ada yang mengatakan beliau adalah Tuhan
- D Menyatakan orang mukmin yang melakukan dosa besar menjadi kafir dan sekiranya tidak bertaubat lalu meninggal dunia maka mereka akan kekal dalam neraka

TERBUKA

S36 Apakah perbezaan di antara *Mujassimah* dan *Mushabbiyah* dalam akidah tauhid?

- A *Mushabbiyah* menyatakan Allah S.W.T. mempunyai jisim manakala *Mujassimah* pula menyamakan Allah S.W.T. dengan makhluk
- B *Mujassimah* menyatakan Allah S.W.T. mempunyai jisim manakala *Mushabbiyah* pula menyamakan Allah S.W.T. dengan makhluk
- C *Mushabbiyah* menyatakan Allah S.W.T. mempunyai kuasa penuh ke atas makhluk manakala *Mujassimah* pula menafikan kekuasaan Allah S.W.T.
- D *Mujassimah* menyatakan Allah S.W.T. mempunyai kuasa penuh ke atas makhluk manakala *Mushabbiyah* pula menafikan kekuasaan Allah S.W.T.

S37 Mengapakah pengasas Muktazilah bertindak keluar dari Ahli Sunnah Wal Jamaah?

- A Menolak pandangan gurunya yang menyatakan al-Quran bukan makhluk
- B Berselisih pendapat dengan gurunya mengenai kedudukan di akhirat bagi orang yang melakukan dosa besar
- C Menidakkan pandangan yang menyatakan manusia boleh melihat Allah S.W.T. di akhirat dengan mata sendiri
- D Tidak bersetuju dengan cadangan mengadakan Majlis Tahkim sebagai langkah perdamaian antara golongan penyokong Saidina Ali dan Muawiyah.

Soalan 38 dan 39 merujuk kepada maksud ayat al-Quran dalam **Pernyataan 2**.

Pernyataan 2

"Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka) maka berkahwinlah (dengan) sesiapa yang kamu berkenan daripada perempuan-perempuan (lain); dua, tiga atau empat, kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja" (al-Nisa': 3)

S38 Apakah penafsiran yang menyokong poligami yang menjadi amalan pengikut Darul Arqam bersandarkan kepada maksud ayat al-Quran dalam **Pernyataan 2**?

- A Tidak wajib berlaku adil sekiranya berpoligami dengan perempuan-perempuan yatim
- B Untuk memastikan seseorang itu boleh berlaku adil maka hendaklah dia berpoligami
- C Pernikahan hendaklah bermula dengan poligami iaitu dua isteri dan seterusnya tiga dan empat
- D Berpoligami tanpa had dengan syarat wanita yang dikahwini dari kalangan perempuan yatim

- S39** Bagaimanakah wanita dalam kalangan pengikut Darul Arqam mudah menerima amalan poligami?

A Isteri disediakan dengan pelbagai kemudahan dari sudut material sekiranya suami mempunyai isteri yang ramai
B Isteri diberikan kedudukan yang mulia dalam kalangan wanita Darul Arqam sekiranya menerima untuk berpoligami
C Isteri dijamin mendapat kesenangan hidup di dunia dan akhirat selama mana mereka membenarkan suami berpoligami
D Isteri diingatkan dengan ganjaran payung emas di syurga sekiranya membenarkan suami berpoligami walaupun menyedari suami tidak mampu berlaku adil

S40 Apakah yang diperjuangkan oleh aliran pemikiran liberal dalam kebebasan beragama dan kepercayaan?

I Kebebasan menukar agama
II Keturunan ditentukan oleh agama
III Persamaan hak bagi semua agama
IV Kebenaran perkahwinan berlainan agama

A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

S41 Siapakah tokoh mujtahid fiqh terulung yang lahir dari kalangan *Fuqaha al-Hadith*?

A Malik bin Anas
B Said ibn Musayib
C Urwah Ibn Zubair
D Abu Bakar al-Siddiq

S42 Siapakah tokoh mujtahid fiqh terulung yang cenderung kepada aliran *Fuqaha al-Ra'y*?

A Ahmad bin Hanbal
B Nu'man bin Thabit
C Abdullah ibn Mas'ud
D Aswad ibn Yazid al-Nakhaie

TERBUKA

S43 Apakah ilmu yang digunakan untuk membuat penyelidikan (*istinbat*) sesuatu hukum fiqh?

- A Usul Fiqh
- B Usuluddin
- C Usul Ahkam
- D Usul Dakwah

S44 Pilih faktor-faktor yang menyebabkan lahirnya mazhab fiqh?

- I Perbezaan kepakaran dalam sesuatu bidang ilmu
 - II Perbezaan pendapat dalam memahami dan mentafsirkan hadith
 - III Perbezaan pengalaman yang dialami oleh ulama dalam mengistinbat hukum
 - IV Perbezaan pendapat dalam memahami dan mentafsirkan sesetengah ayat al-Quran
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S45 Siapakah imam Mazhab yang dikenali dengan panggilan *al-Imam al-A`zam*?

- A Imam Malik
- B Imam Syafie
- C Imam Abu Hanifah
- D Imam Ahmad Ibn Hanbal

TERBUKA

Soalan 46 dan 47 berdasarkan **Penyataan 3**.

Pernyataan 3

Semasa berada di Mesir, beliau telah mengarang kitab “*al-Risalah*”. Kitab ini merupakan yang pertama sekali dikarang olehnya yang membincarakan tentang dasar ilmu perundangan Islam. Selain daripada kitab-kitab tersebut, beliau juga telah menghasilkan kitab-kitab “*Jama’ al-Ilmi*”, “*al-Umm*”, “*al-Imla al-Saghir*”, *al-Amaalu al-Kabir*”, “*Mukhtasar al-Muzani*” dan “*Mukhtasar al-Buwaiti*”. Beliau memperkenalkan kepada murid-muridnya satu mazhab yang baru iaitu “*Mazhab Masri*” atau “*Mazhab Jadid*”.

S46 Siapakah tokoh mazhab yang dinyatakan dalam **Pernyataan 3** di atas?

- A Imam Malik
- B Imam Syafie
- C Imam Abu Hanifah
- D Imam Ahmad Ibn Hanbal

S47 Apakah sumbangan tokoh tersebut kepada masyarakat Islam?

- A Beliau menjadi rujukan dalam masalah akidah umat Islam
- B Beliau telah mengabdikan dirinya untuk menguasai bidang fiqh
- C Beliau menjadi rujukan dalam masalah fiqh dalam kalangan umat Islam
- D Beliau mewujudkan aliran pemikiran akidah baru dalam kalangan umat Islam

S48 Apakah penyumbang utama kepada perkembangan ajaran sesat di Malaysia?

- A Umat Islam berpandangan jauh
- B Umat Islam menjauhi para ulama
- C Sikap terlalu ingin menjadi pemimpin
- D Umat Islam jauh dari al-Quran dan al-Sunnah

S49 Apakah asas muamalat dalam Islam?

TERBUKA

- A Peraturan yang menghubungkan manusia dengan harta
- B Tatacara perhubungan antara manusia dengan Allah S.W.T.
- C Tatacara bagi memenuhi keperluan manusia di atas persetujuan bersama
- D Peraturan bagi memenuhi keperluan manusia berlandaskan syariat Allah S.W.T.

S50 Manakah berikut merupakan prinsip muamalat Islam?

- I Keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T.
 - II Bertujuan untuk mengaut keuntungan semata-mata
 - III Sentiasa menerapkan sifat-sifat mulia dalam mencari harta kekayaan
 - IV Harta yang diperolehi boleh digunakan untuk perkara yang halal dan haram
-
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja

S51 Apakah pengertian *wadi'ah* dari sudut istilah?

- A Memberikan kuasa kepada orang lain untuk menjaga harta
- B Meletakkan sesuatu harta kepada orang lain dengan tujuan perniagaan
- C Membuat penebusan hasil keuntungan daripada sesuatu transaksi jualbeli
- D Memberikan hak penjagaan harta kepada orang lain untuk mendapat keuntungan

S52 Manakah berikut adalah bukan prinsip syariah dalam sistem muamalat Islam?

- I Riba
 - II *Gharar*
 - III *Syubhah*
 - IV Penipuan
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S53 Apakah yang dimaksudkan dengan *Bai' al-Salam*?

- A Perkongsian di antara untung dan rugi dalam perniagaan
- B Perjanjian di antara pihak yang diupah dengan pihak yang mengupah
- C Penambahan untung yang telah dipersetujui antara pembeli dengan penjual
- D Penangguhan penyerahan barang kepada pembeli mengikut syarat yang tertentu

TERBUKA

S54 Apakah hikmah pensyariatan *al-Qard* dalam Islam?

- I Dapat mengurangkan beban mereka yang dalam kesusahan
 - II Dapat menghapuskan kezaliman yang berlaku dengan menolak riba
 - III Amalan tolong-menolong dapat menguatkan ukhuwwah di antara umat Islam
 - IV Islam sangat menggalakkan sikap tolong-menolong di antara satu sama lain dalam melakukan kebaikan
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S55 Apakah maksud perkataan *Takaful* dalam Bahasa Melayu?

- A Jaminan
- B Cagaran
- C Pinjaman
- D Sumbangan

S56 Mengapakah *Takaful* diharuskan dalam Islam?

- I Tidak berorientasikan kepada kontrak jualbeli
 - II Tidak bertujuan mengaut keuntungan semata-mata
 - III Berbentuk perniagaan yang berorientasikan keuntungan sahaja
 - IV Berbentuk sumbangan kepada individu yang menerima musibah
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S57 Apakah matlamat pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam?

- A Pemulihan
- B Perawatan
- C Pengawalan
- D Penambahbaikan

TERBUKA

S58 Manakah antara berikut tidak menjelaskan tentang *al-Jinayah* atau *al-Jarimah* menurut perspektif Islam?

- A Segala bentuk kesalahan yang telah ditetapkan berdasarkan hak Allah
- B Hukuman akan dikenakan kepada manusia yang melanggar hak Allah, hak individu dan hak kedua-duanya
- C Semua perbuatan yang diharamkan oleh syarak sama ada mengenai nyawa, tubuh badan, harta benda dan sebagainya.
- D Undang-undang jenayah diwujudkan bertujuan untuk memelihara *dharuriyat al-arba'ah* iaitu agama, nyawa, akal dan harta.

S59 Manakah berikut merupakan cara pensabitan bagi penzina *ghairu muhsan*?

- A Ikrar tertuduh
- B *Qarinah* atau bukti
- C Pengakuan dua orang saksi
- D Keterangan dua orang saksi

S60 Apakah hukuman bagi penzina *muhsan*?

- A Balas bunuh
- B Buang daerah
- C Sebat seratus kali
- D Rejam sampai mati

S61 Apakah syarat yang menggugurkan seseorang peminum arak daripada dikenakan hukuman hudud?

- A Tidak darurat
- B Bukan dipaksa
- C Tiada kesamaran
- D Tidak tahu haram

S62 Apakah hukuman bagi kesalahan merompak?

- A Sebat
- B Rejam
- C Balas bunuh dan disula
- D Potong tangan dan kaki secara bersilang

TERBUKA

S63 Apakah hukuman bagi penzina *ghairu muhsan*?

- A Balas bunuh
- B Buang daerah
- C Sebat seratus kali
- D Rejam sampai mati

S64 Apakah yang dimaksudkan dengan kesalahan qazaf ?

- I Membuat tuduhan yang bertujuan untuk merugikan seseorang
 - II Melemparkan tuduhan zina tanpa bukti dan saksi kepada orang yang baik
 - III Membuat tuduhan zina yang bertujuan untuk menafikan keturunan seseorang
 - IV Membuat tuduhan berzina kepada perempuan dan lelaki yang belum berkahwin
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S65 Manakah pengertian berikut yang tidak menerangkan maksud etika?

- A Etika ialah ilmu yang dapat mengatur pergaulan sesama manusia
- B Etika ialah ilmu dapat menjelaskan sesuatu perkara yang baik dan buruk
- C Etika ialah ilmu mengenai matlamat terakhir dari seluruh usaha yang dilakukan oleh manusia
- D Etika ialah ilmu mengenai keupayaan diri untuk melaksanakan semua amanah yang dipertanggungjawabkan

S66 Manakah pernyataan yang paling tepat mengenai tuntutan bekerja dalam Islam?

- A Bekerja dapat melahirkan sifat rajin untuk beribadah
- B Bekerja dapat menjalankan hubungan silatulrahim sesama manusia
- C Bekerja dapat meningkatkan taraf hidup seseorang dengan cara yang halal
- D Bekerja adalah alat untuk mendapatkan kekayaan bagi membantu orang miskin

S67 Apakah yang dimaksudkan dengan bekerja penuh kesungguhan untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T.?

- A Bekerja dengan penuh keyakinan dan istiqamah
- B Bekerja bersungguh-sungguh walaupun tidak mendapat pujian
- C Bekerja bersungguh-sungguh dengan mengikut segala suruhan Allah S.W.T.
- D Bekerja dengan penuh keazaman untuk menyumbangkan idea kepada masyarakat

S68 Bagaimana cara untuk menjadikan pekerjaan itu suatu ibadah dalam Islam?

- A Menetapkan matlamat dalam bekerja
- B Mengasingkan tempat bekerja antara lelaki dan perempuan
- C Tidak melakukan perkara yang diharamkan semasa melakukan pekerjaan
- D Berusaha untuk mencapai matlamat tanpa mengambil kira batas halal dan haram

S69 Apakah yang dimaksudkan etika individu dari perspektif Islam?

- A Himpunan nilai pada setiap diri individu muslim yang membezakan antara yang benar dan salah, baik dan buruk
- B Menggariskan apa yang boleh dibuat atau tidak boleh dibuat oleh individu muslim dalam profesyen yang diceburinya
- C Kualiti yang berkaitan dengan sifat jujur individu muslim yang sentiasa berpegang pada kebenaran berpandukan al-Quran dan al-Sunnah
- D Garis panduan bagi individu muslim untuk menjalankan tugas secara benar dan salah, baik dan buruk, patut dan boleh dilakukan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah

S70 Manakah berikut merupakan Kumpulan Kawalan Mutu atau *Quality Control Circle* yang termasuk dalam etika kerja Islam?

- A Bekerja secara tekun dan cekap kerana Allah S.W.T.
- B Bekerja untuk mencapai matlamat kebahagiaan bagi manusia sejagat
- C Menghindari daripada melakukan sebarang kesilapan sewaktu menjalankan tugas
- D Mengamalkan semangat gotong-royong dan berpadu fikiran kerana Allah S.W.T.

S71 Manakah yang berikut adalah bentuk manifestasi daripada Integriti organisasi?

- A Fail meja
- B Piagam pelanggan
- C Misi dan visi organisasi
- D Pengurusan kualiti organisasi

S72 Apakah yang dapat difahami daripada konsep akauntabiliti?

- A Ketelusan
- B Keyakinan
- C Kepercayaan
- D Kebijaksanaan



TERBUKA

DR. ANNA RUMIAH BINTI MOHD JAHAR
PENGETAHUAN DAN PENGETAHUAN
DILAKUKAN DALAM KONSEP DAN PRAKARISAH
DILAKUKAN DALAM KONSEP DAN PRAKARISAH

S73 Apakah perkara yang mewajibkan seorang suami memberi nafkah?

- A Perkahwinan yang sah
- B Memiliki harta yang berlebihan
- C Isteri tidak mempunyai pendapatan
- D Kedudukan keluarga yang memerlukan bantuan

S74 Apakah yang dimaksudkan dengan harta sepencarian?

- A Harta yang dimiliki oleh isteri dalam tempoh perkahwinan
- B Harta yang dimiliki oleh suami dalam tempoh perkahwinan
- C Harta yang dimiliki oleh suami isteri dalam tempoh perkahwinan
- D Harta yang dimiliki oleh suami isteri selepas tempoh perkahwinan

S75 Nyatakan rukun li'an.

- I Isteri
 - II Suami
 - III Lafaz li'an
 - IV Sebab li'an
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 76 dan 77 berdasarkan **Penyataan 4**.

Pernyataan 4

Azman adalah seorang warga emas yang sihat tinggal bersama isterinya yang uzur berkeinginan untuk berkahwin lagi bagi membantu menguruskan dirinya. Keuzuran isterinya telah menjadikan kehidupan Ahmad tidak menentu. Hatinya telah terpikat dengan seorang gadis muda lalu berhasrat untuk menjadikan gadis itu sebagai isteri kedua bagi membantu menguruskan kehidupannya.

S76 Apakah hukum perkahwinan bagi Azman?

- A Sunat
- B Wajib
- C Haram
- D Makruh



TERBUKA

DR. AMALIAH BIN MUHAMMAD
PENGETAHUAN
DILAKUKAN DENGAN SAMA-SAMA
BERBANTUAN DAN DENGAN
BERSAMA-SAMA

S77 Nyatakan langkah yang paling sesuai dilakukan oleh Azman?

- A Banyakkan berpuasa
- B Teruskan perkahwinan
- C Tinggal bersama anak-anaknya
- D Tumpukan kepada pengurusan dirinya

S78 Apakah matlamat berpoligami dalam Islam?

- A Menambahkan seri kehidupan berkeluarga
- B Membantu golongan wanita untuk berkahwin
- C Melaksanakan amanah perkahwinan dengan adil
- D Dapat melaksanakan pengiliran terhadap isteri dengan adil

S79 Nyatakan rukun khuluk.

- I Isteri
- II Suami
- III Lafaz
- IV Bataran yang dipersetujui

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S80 Manakah syarat-syarat berikut berhak memperolehi hak hadanah bagi suami isteri apabila berlaku perceraian?

- I Berakal
- II Amanah
- III Tidak berpenyakit
- IV Tidak berkemampuan

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

TERBUKA

-SOALAN TAMAT-